

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Dewan Negeri,

Saya mohon izin untuk membawa usul seperti berikut:

**Mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang dinamakan “Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2018 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu” dibacakan bagi kali kedua.**

**Kedua:**

**Mengusulkan butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai “Kertas Dewan Bilangan 36 Palang 2017”, adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak Empat Ratus Dua Puluh Satu Juta, Dua Ratus Lapan Puluh Ribu Ringgit (RM421,280,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2018. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu, adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan.”**

Dato' Yang Dipertua,

## **PENDAHULUAN**

1. Segala pujian kita panjatkan ke hadrat Allah Subhana Wataala, atas Rahman dan Rahim-Nya, bumi Perak bertuah ini terus dilimpahkan nikmat keamanan dan kemakmuran yang berterusan. Syukur pada-Mu Ya Allah.
2. Selawat serta salam buat baginda Rasulullah S.A.W yang menjadi penyuluhan tatkala umat dilingkari kegelapan, serta mewariskan petunjuk bersumberkan *kalamullah* dan *sunnah Rasulullah*.
3. Sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al Maghfur-Lah pada 4 November yang lalu, patik mewakili seluruh Ahli Dewan Negeri Perak merafak sembah tahniah dan mendoakan Ke Bawah Duli Tuanku dilimpahi keafiatan yang berpanjangan. Dirgahayu Tuanku.

Dato' Yang Dipertua,

4. Mengimbau perjalanan kerajaan ini sejak pentadbiran negeri diamanahkan di bahu saya sebagai nakhoda, sejak 8 tahun, 9 bulan dan 15 hari, disebalik pelbagai asakan, cemuhan dan nista yang keterlaluan, Alhamdulillah, Kerajaan Barisan Nasional terus berada di persada pentadbiran hingga ke saat ini.

Atas tekad membantu rakyat

Tak jadi kudis segala celaan

Redha Allah dipohon Rahmat

Berkat Rakyat seisi Watan

5. Menakhoda negeri dengan istiqamah dan penuh kesabaran, di celah-celah cemuhan kononnya kerajaan ini berhayat beberapa bulan, dengan mantra “ini kalilah”, kita terus melakukan usaha berkebajikan kerana kita yakin dengan janji Allah:

**فِيَأَيِّ الَّاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ**  
**هَلْ جَرَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا إِلْحَسَانٌ**

*“Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Tidak ada balasan kebaikan, melainkan kebaikan (jua)”*

*Ar-Rahman: 59-60*

## **PRESTASI EKONOMI**

6. Jika petunjuk-petunjuk ekonomi dijadikan ukuran, untuk menimbang gagal jayanya pentadbiran, renungkan sejenak:

*Pertama:* Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita meningkat daripada Lima Belas Ribu, Lapan Ratus Sembilan Ringgit (RM15,809) pada tahun 2009 kepada Dua Puluh Tujuh Ribu, Dua Ratus Empat Puluh Enam Ringgit (RM27,246) bagi tahun 2016, dengan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun 8.1 peratus, **LEBIH TINGGI** daripada kadar pertumbuhan tahunan dikompaun nasional 6.3 peratus dalam tempoh yang sama;

*Kedua:* Diukur pula pada prestasi kewangan, sejak Bajet 2010 hingga 2016 dibentangkan, defisit di awalnya, pengakhiran mencatatkan lebihan. Hasil Negeri yang diperolehi pada tahun 2010 sebanyak Tujuh Ratus Sembilan Puluh Tiga Perpuluhan Satu Lapan Juta Ringgit (**RM793.18 juta**), telah melonjak kepada lebih Satu Perpuluhan Kosong Satu Satu Bilion Ringgit (**RM1.011 bilion**) pada tahun 2016 dengan pertambahan Dua Ratus Tujuh Belas Perpuluhan Lapan Dua Juta Ringgit (**RM217.82 juta**) atau **27.4 peratus**. Begitu juga Perbelanjaan Pembangunan, yang

dibelanjakan sebanyak Seratus Tujuh Puluh Dua Perpuluhan Empat Sembilan Juta Ringgit (**RM172.49 juta**) telah meningkat kepada Tiga Ratus Tujuh Puluh Perpuluhan Tiga Juta Ringgit (**RM370.30 juta**) bagi tempoh yang sama, melibatkan pertambahan Seratus Sembilan Puluh Tujuh Perpuluhan Lapan Satu Juta Ringgit (**RM197.81 juta**) atau peningkatan hampir **115 peratus**;

*Ketiga:* Pelaburan ke negeri Perak turut melonjak. Sebanyak RM900.7 juta dicatat pada 2009 menjadi RM3.947 bilion pada tahun 2016. Bagi tempoh 8 tahun tersebut, jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM19.4 bilion, dan menjana lebih 40,000 peluang pekerjaan. Meskipun ada pihak memukul canang kononnya para pelabur menjauhi negeri Perak, angka pelaburan ini menunjukkan sebaliknya.

*Keempat:* Begitu juga halnya dengan rizab Negeri yang sentiasa berada pada paras yang kukuh, dan natijahnya kita tidak pernah berhutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembayaran gaji dan perbelanjaan mengurus kakitangan negeri;

*Kelima:* Agihan pendapatan rakyat Perak juga semakin saksama. Indeks Pekali Gini, bagi negeri Perak menunjukkan ia **LEBIH RENDAH** daripada purata nasional pada 2016 iaitu 0.362 berbanding 0.399. Ini membuktikan keberkesanan usaha kerajaan merapatkan jurang pendapatan antara rakyat.

*Keenam:* Pasaran buruh di Negeri Perak juga kekal stabil pada tahun 2016 dengan kadar pengangguran pada 3.4 peratus iaitu dalam konteks ekonomi, ia merupakan kadar pengangguran yang realistik; dan

*Ketujuh:* Kadar inflasi yang diukur oleh perubahan tahunan dalam indeks harga pengguna berada di paras 1.4 peratus pada tahun 2016. Kadar ini lebih rendah berbanding purata nasional 2.2 peratus, Pulau Pinang 2.5 peratus, Selangor dan Wilayah Persekutuan masing-masing berada pada 2.2 peratus.

7. Semua petunjuk ini menjadi bukti bahawa pengurusan ekonomi negeri berada pada landasan yang betul. Ia juga testimoni dan pengabsahan fakta, bahawa sesungguhnya dalam mentadbir negeri ini, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa meletakkan keutamaan kepada tradisi membela rakyat dan sememangnya rakyat diutamakan dan pertumbuhan dilonjakkan.

8. Saya bentangkan semua fakta di atas, berdasarkan penilaian ekonomi dan bukannya bersifat *data picking (dengan izin)* semata-mata, bagi memenuhi serakah serangan politik. Ia juga menjadi bukti yang boleh diukur dan oleh yang demikian, elakkanlah tohmahan melampau sehingga menggambarkan kononnya negeri ini diambah kebankrapan. Bak kata orang Lambor, “**udah udahle, janganle kome nak ngecek lagi**”.

Dato' Yang Dipertua,

9. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, atas pembentangan Bajet Persekutuan 2018 pada 27 Oktober 2017 yang lalu.

10. Mendepani cabaran ekonomi global, Kerajaan Barisan Nasional masih mampu menghidangkan bajet realistik dan komprehensif. Bajet yang memakmurkan negara dan mensejahterakan rakyat. Bajet yang mengimbangi keunggulan duniawi dan ukhrawi, material dan spiritual, pembangunan dan kemampanan.

11. Tidak ketinggalan, melalui pembentangan bajet oleh Perdana Menteri itu, Perak beroleh khabar gembira, dengan pengumuman pembangunan Koridor **Wilayah Selatan Perak**, merangkumi pembangunan **Educity**

*di Tapah serta Proton City dan Youth City di Tanjung Malim.* Manakala **PULAU PANGKOR** pula yang menjadi ikon pelancongan Negeri Perak, diisyiharkan sebagai **PULAU BEBAS CUKAI**, yang sekaligus merupakan penunaian akujanji Barisan Nasional pada PRU-13 yang lalu.

## **BAJET 2018**

12. Bertemakan **Rakyat Aman dan Jaya**, Bajet Tahun 2018 akan memastikan kesinambungan pembangunan negeri dan pengupayaan ekonomi rakyat, terus dilaksanakan demi kesejahteraan dengan tumpuan kepada **lima (5) fokus utama** iaitu :

**Pertama : Memacu Pembangunan dan Ekonomi Negeri;**

**Kedua : Memakmur dan Mensejahterakan Rakyat;**

**Ketiga : Melahirkan Masyarakat Berilmu dan Generasi Cemerlang;**

**Keempat : Mengupayakan Sara Diri Rakyat; dan**

**Kelima : Memulihara Kelestarian Sumber dan Khazanah Negeri.**

13. Bajet Tahun 2018 ini, digarap mewakili denyut rasa orang Kampung Ketoyong di Tanjung Malim, harapan orang Sungai Nipah, Bagan Datuk, cadangan orang Parit Haji Wahab di Parit Buntar, waima suara anak rantau

Perak yang berada di menara gading dalam dan luar negara. Ia diolah dengan iltizam dan tujuan, demi kemakmuran dan kesejahteraan, Perak aman dan jaya.

14. Untuk itu, Bajet 2018 memperuntukkan sejumlah **Satu Bilion, Seratus Tujuh Puluh Enam Juta, Lapan Ratus Tujuh Puluh Tujuh Ribu, Tiga Ratus Sembilan Puluh Tiga Ringgit (RM1,176,877,393)**. Ia terbahagi kepada **PERBELANJAAN MENGURUS** sebanyak **Tujuh Ratus Lima Puluh Lima Juta, Lima Ratus Sembilan Puluh Tujuh Ribu, Tiga Ratus Sembilan Puluh Tiga Ringgit (RM755,597,393)** dan **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN** sebanyak **Empat Ratus Dua Puluh Satu Juta, Dua Ratus Lapan Puluh Ribu Ringgit (RM421,280,000)**.

15. Di bawah **PERUNTUKAN MENGURUS**, sebanyak **Tiga Ratus, Lima Puluh Lapan Juta, Lima Ratus Tiga Puluh Ribu Ringgit (RM358,530,000)** untuk perbelanjaan Emolumen; **Dua Ratus, Lima Puluh Sembilan Juta, Lima Ratus Ribu Ringgit (RM259,500,000)** perkhidmatan dan bekalan; **Seratus Dua Puluh Juta, Enam Ratus Enam Puluh Empat Ribu, Tiga Ratus Sembilan Puluh Tiga Ringgit (RM120,664,393)** Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap; **Empat Belas Juta, Lima Ratus Ribu Ringgit (RM 14,500,000)** bagi pembelian aset; serta **Dua Juta, Empat Ratus Tiga Ribu Ringgit (RM 2,403,000)** untuk lain-lain perbelanjaan.

16. Manakala di bawah **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**:

- **RM196.16 juta** diperuntukkan bagi **MEMACU EKONOMI NEGERI** yang merangkumi pertumbuhan dinamik di kawasan bandar dan luar bandar;
- **RM103.26 juta** untuk **MEMAKMUR, MENSEJAHTERA DAN MENGUPAYAKAN SARA DIRI RAKYAT**;
- **RM92.26 juta** disediakan bagi **MELAHIRKAN MASYARAKAT BERILMU DAN GENERASI YANG CEMERLANG**; dan
- **RM29.6 juta** bagi tujuan **KELESTARIAN SUMBER DAN KHAZANAH NEGERI**.

17. Bagi Tahun 2018, unjuran hasil dan terimaan pembangunan adalah sebanyak **Satu Bilion, Lapan Puluh Dua Juta, Seratus Empat Puluh Dua Ribu, Lima Belas Ringgit (RM1,082,142,015)**. InsyaAllah, berkat kerjasama dan komitmen semua pihak, unjuran ini akan dapat dicapai.

Dato' Yang Dipertua,

18. Kerajaan Negeri sentiasa mendekati dan menyelami denyut nadi rakyat. Kita percaya tidak ada cara yang lebih baik, selain daripada kita berada di tengah-tengah masyarakat, untuk merasai sendiri jerih payah, kesusahan dan keluh kesah mereka. Dengan sebab itu, kita mengambil pendekatan bermukim ke setiap pelosok daerah dan desa. Kita dekati rakyat bersandarkan konsep 3P, Padang, Perasaan dan Penyelesaian, serta menyantuni mereka tanpa mengira latar belakang kaum dan fahaman.
19. Melalui permukiman ini, kita melihat sendiri kisah-kisah rakyat. Ada keluhan dan ada juga yang menggembirakan. Semasa di Teluk Intan, dizahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana Sekolah Chong Min tidak lagi berdiri di atas tapak milik syarikat Lee Rubber. Sebaliknya kini menjadi milik sekolah, dengan kerajaan mengecualikan premium sebanyak RM3.28 juta dan melupuskan tunggakan RM80 ribu cukai tanah.
20. Di Bagan Datuk, masyarakat India ternyata lega apabila krematorium yang telah siap dibina dan bergembira apabila ladang di Tanjung Malim yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada SJK Tamil telah ditanam dan hampir mengeluarkan hasilnya.

21. Tak kurang juga bersyukurnya orang di Batang Padang, Kuala Kangsar, Lenggong, Kerian dan Pulau Pangkor kerana Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan membiayai Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, dalam melahirkan insan yang seimbang, duniawi dan ukhrawi.
22. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Negeri ini negeri kita, cara ini cara kita dan cerita ini cerita kita, yang telah menghasilkan naratif **PERAK AMAN DAN JAYA**.
23. Walau apapun data ekonomi dan *ranking* kemiskinan yang cuba dimain dan dimomok-momokkan, saya masih dapat melihat dengan jelas kesantunan rakyat sebagai perakuan atas keprihatinan kerajaan. Testimoni rakyat ini hanya dapat dirasai, jika kita turun ke bawah, berbanding dengan hanya bermain retorik politik memanipulasi angka.
24. Malah perakuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Perak, bahawa permukiman semakin meningkatkan kecekapan penyampaian kerajaan, memperkasakan integriti dan menghakis barah rasuah, membuktikan keberkesanan program ini. Untuk itu bagi tahun 2018, Program Permukiman Daerah Menteri Besar akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM1.5 juta**.

Dato' Yang Dipertua,

## **PRESTASI DAN PROSPEK PEMBANGUNAN NEGERI PERAK**

### **Prestasi Dan Prospek Pelaburan**

25. Komitmen pelabur-pelabur seperti Lhoist, Toyo Tires, China Railway Rolling Stock Corporation (CRRC), Latexx, Miyazu, Bromma, Carsem dan Finisar adalah antara bukti Perak pada hakikatnya, mempunyai potensi dan berdaya saing dalam menarik pelaburan asing mahupun tempatan.
  
26. Bagi tempoh 2009 hingga 2016, sebanyak **342 projek** dalam sektor pembuatan telah diluluskan dengan nilai **RM19.1 bilion**. Ia melibatkan **RM10.1 bilion** pelaburan asing dan pelaburan domestik sebanyak **RM9 billion**.
  
27. Manakala, dalam tempoh Januari hingga Jun 2017 ini, sektor industri pembuatan terus mencatatkan pertumbuhan, dengan komitmen pelaburan sebanyak **RM366 juta**, dan mampu menawarkan 1,140 peluang pekerjaan.
  
28. Pada tempoh yang sama, sektor perkhidmatan juga menyumbang sebanyak **RM270 juta** komitmen pelaburan kepada ekonomi negeri. Antara penyumbang utama termasuklah industri tenaga hijau dan projek pelancongan.

29. Kerajaan Negeri melalui Invest Perak dan MIDA Perak akan terus komited merangka strategi dan dasar-dasar baru bagi menarik lebih banyak lagi pelaburan ke negeri ini. Untuk itu, sebanyak **RM2 juta** diperuntukkan kepada Invest Perak bagi menjalankan aktiviti penggalakan pelaburan pada tahun 2018.

### **Prestasi Kemajuan Dan Potensi Projek Gas Asli**

30. Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar mesra pelabur dan sentiasa berusaha menyediakan infrastruktur lengkap dan terbaik bagi merancakkan lagi kegiatan ekonomi negeri. Ini termasuklah penyediaan bekalan gas ke kawasan-kawasan perindustrian utama.

31. Projek Sambungan Paip Gas Asli dari Ayer Tawar, Manjung ke Lembah Kinta yang bernilai RM180 juta, dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2019. Projek ini dijangka akan memanfaatkan lebih 50 pemain industri di sepanjang jajaran gas tersebut dengan potensi bekalan gas sebanyak 6.8 juta mmBtu (*British thermal unit*).

32. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan insentif kepada pelabur dengan menawarkan **potongan sebanyak 25 peratus kadar premium** bagi maksud **pelupusan tanah kerajaan atau tukar syarat tanah bagi tujuan**

**pembangunan industri** dan perumahan. Insentif ini yang dimulakan pada **Januari 2017 akan diteruskan sehingga bulan Disember 2018.**

Dato' Yang Dipertua,

33. Mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa industri pembuatan kasut negeri Perak, adalah antara yang tertua dan terbesar di negara ini. *Perak Footwear Association* yang telah bertapak lebih 100 tahun, diberikan kelulusan tanah seluas 27 ekar bagi merancakkan dan menjamin kelangsungan industri tersebut.

34. Kerja-kerja perataan tanah telah dijalankan, bagi membina sebuah pusat pameran dan 300 lot bagi pengusaha pembuatan kasut secara berpusat yang bolehlah dinamakan “Perkampungan Kasut” terbesar di kawasan Menglembu.

35. Saya sendiri telah beberapa kali turun, mendengar sendiri pandangan dan harapan para pengusaha kasut tersebut, yang membawa kepada keputusan kerajaan meluluskan tanah berkenaan kepada *Perak Footwear Association*. Ini kerana kita yakin industri pembuatan kasut, yang nilai pengeluaran semasa **RM100 juta** setahun, dianggarkan melonjak kepada **RM150 juta** setahun dengan terbinanya “Perkampungan Kasut” ini. Semoga usaha ini akan terus berkembang dan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

## **SEKTOR KEUSAHAWANAN**

### **Memperkuatkan daya saing dan daya tahan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Mikro Perak**

36. Pertumbuhan sektor keusahawanan PKS di negeri ini amat memberangsangkan. Usahawan PKS bukan sahaja dapat membantu meningkatkan ekonomi malahan mereka adalah (dengan izin) '*job creator*' atau penjana pekerjaan.
37. Perak mencatatkan bilangan usahawan PKS seramai 75,000 orang dan berada di kedudukan keempat tertinggi selepas Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor.
38. Usahawan-usahawan yang dibimbing kini berada di peringkat nasional dan antarabangsa, dengan penyertaan di *Malaysia Fest Singapore* dan *Caexpo Nanning China*. Hasilnya, ada usahawan telah berjaya menembusi pasaran luar, dengan mengeksport produk mereka ke Filipina, Singapura, Brunei dan China.

39. Saya ingin mengajak Dewan berkongsi cerita usahawan yang dibimbing:

- ***Encik Zulkifli bin Jamaldin, berusia 44 tahun dari Sungai Bakau, Parit Buntar, menjalankan perniagaan pemprosesan dan pembungkusan beras atas jenama Juara.*** Jualannya mencecah RM50 juta pada 2016 berbanding RM37 juta pada 2014. Baru-baru ini, beliau menerima anugerah Pengilang Beras Bumiputera Terbaik Malaysia oleh BERNAS;
- ***Puan Amalia binti Abdul Aziz, berusia 33 tahun hanya pembekal sos Char Kuey Teow dari Jalan Raja Chulan, Kuala Kangsar melalui syarikatnya Shahdalia Enterprise,*** boleh berbangga kerana jualan sos char kuey teow yang istimewa itu telah melonjak kepada RM290 ribu pada tahun 2016 berbanding RM80 ribu sahaja pada 2014;
- ***Encik Sofian bin Tajuddin, 45 tahun Pengurus MySuffy Marketing,*** dari Taman Meru Ipoh, pengeluar susu kambing formula. Berjaya mengautomasikan proses pembungkusan produk pada skala besar dan mencatatkan jualan daripada RM3 juta pada tahun 2014 kepada RM7.6 juta pada tahun 2016. Malah dijangka mencecah RM10 juta pada tahun ini.

40. Kisah usahawan mikro juga tidak kurang hebatnya:

- ***Encik Ahmad Merzuki Bin Mohamad Yusoff dari Kampung Senduk, Changkat Jering Bukit Gantang.*** Berbekalkan pengalaman berjual buah-buahan di tepi jalan, beliau telah membuat pinjaman Mikro Kredit YBU. Berkat pinjaman dan bimbingan, beliau mengembangkan usaha menjadi pemberong buah-buahan hingga ke Selatan Thailand. Kini penerima Mikro Kredit YBU itu boleh berbangga kerana telah berjaya mengeksport isi durian yang dibungkus ke China. Pendapatannya dahulu RM3,000 telah melonjak kepada RM19,500 sebulan. Lebih menarik, seramai 10 orang anak tempatan telah diambil bekerja dengannya.
- ***Anak muda dari Slim River, Thangavaloo Anak Lelaki Sundram,*** juga melalui pinjaman Mikro Kredit YBU, kini menjadi pengusaha bengkel kereta yang berjaya. Dengan dua orang pekerja, perniagaannya boleh memperolehi keuntungan bersih sekitar RM20,000 sebulan.
- ***Encik Mooi King Siong, 45 tahun peniaga buah-buahan di Kuala Kangsar,Taiping dan Ipoh.*** Beliau melakukan pinjaman mikro kredit sebanyak dua kali pada tahun 2011 dan 2016. Pendapatannya kini melonjak kepada RM7,000 sebulan berbanding dengan hanya RM2,500 sebelum ini.

- Begitu juga kisah seorang penjual air amra (kedondong) yang cukup istimewa di hadapan **Tokong Fun Ling Kong di Pangkor, Encik Foong Hoe Hang**. Melalui pinjaman Mikro Kredit YBU sebanyak dua kali, pada tahun 2012 dan 2017, beliau kini mampu meraih pendapatan RM6,000 sebulan.
41. Kisah-kisah ini adalah cerita Perak yang aman dan jaya, hasil program yang disediakan dan disambut oleh rakyat yang ingin berusaha dan mengubah nasib mereka. Bak kata masyarakat Siam di Pengkalan Hulu “**Kap Kun Kap... Mag Mag...Senuk Dai Choi... Terima kasih banyak-banyak. Seronok dapat bantuan**”. Untuk itu, bagi memperkuuhkan lagi usaha pembangunan usahawan Perak, peruntukan sebanyak **RM7.71 juta** disediakan pada tahun 2018 dengan pecahan:

- **RM1.71 juta** bagi Program-program Pembangunan Usahawan;
- **RM1 juta** Pinjaman Perniagaan Belia Niaga di bawah YBU;
- **RM4 juta** bagi Pinjaman Perniagaan Mikro Kredit di bawah YBU;
- **RM1 juta** bagi **Program Kiosk Amanjaya** secara percuma di bawah Yayasan Bina Upaya, bagi meningkatkan lagi jumlah mereka yang berjaya seperti **Puan Rosna Hasan** - berjualan kuih di Bandar Behrang yang kini memperolehi pendapatan lebih RM4,600 berbanding RM1,900 sebelum menerima Kiosk Amanjaya;

- **Puan R. Suppamah**, berjualan bunga melur di Mambang Di Awan. Kini pendapatannya RM1,800 berbanding RM700 sebelumnya; dan
  - **Encik Chan Chen Wai**, penjual buah-buahan di depan Dewan Orang Ramai Bukit Pagar, Tapah yang berjaya meningkatkan pendapatannya daripada RM2,000 sebulan kepada RM4,500 sebulan.
42. Selain itu, selari dengan tuntutan masa kini di era revolusi industri 4.0, perencanaan agenda ekonomi digital negeri ini perlu dimantapkan. **K-Perak** mempunyai peranan besar untuk memperkasakan program e-Usahawan, seperti perniagaan atas talian (*on-line*), dengan menjalinkan kerjasama strategik bersama MAGIC, MDEC, DreamEdge, MOSTI, CyberSecurity, SMECorp dan SKMM.
43. Sehingga kini, seramai 700 usahawan digital beroperasi di negeri ini dan mempunyai lebih 300 produk yang berpotensi untuk pasaran domestik dan antarabangsa. Bagi memastikan inisiatif ini dilaksanakan, sebanyak **RM4 juta** diperuntukkan untuk **K-Perak** bagi tujuan pengurusan dan pembangunan. Malah K-Perak juga akan menyediakan platform **YEOP DOT COM** bagi menyokong perniagaan atas talian kepada usahawan di negeri ini.

## **PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

### **Memperkasa produktiviti hasil pertanian dan industri asas tani**

44. Pertanian merupakan sektor penting dan menyumbang 16.1 peratus kepada pertumbuhan KDNK negeri pada tahun 2016. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Perak sebagai Lembah Pengeluaran Makanan Negara selari dengan pencapaian negeri ini dalam sektor agro-makanan.
45. Sesuai penekanan khusus Bajet Persekutuan 2018, terhadap sektor pertanian, beberapa inisiatif yang diumumkan akan turut memanfaatkan sektor pertanian negeri ini. Antaranya, penanaman semula kelapa variasi CARECA dan MATAG serta penggabungan pengurusan industri kelapa, di bawah satu lembaga baru bersama industri nanas dan buah-buahan, menjadi khabar gembira kepada pengusaha kelapa di Daerah Bagan Datuk dan Hilir Perak serta kawasan-kawasan lain.
46. Kerajaan Negeri sentiasa menyahut seruan menjadikan pertanian sebagai perniagaan dan punca pendapatan negeri ini. Hakikatnya, buat masa ini, Perak merupakan pengeluar hasil pertanian utama negara.

*Pertama:* Mungkin masih ramai yang tidak tahu, pendaratan ikan laut di Negeri Perak adalah yang **tertinggi** di Malaysia, iaitu mencecah Tiga Ratus Enam Puluh Tujuh Ribu, Tiga Ratus Empat Puluh Enam (367,346) tan metrik bernilai RM2.19 bilion. Manakala pengeluaran ikan akuakultur mencecah 849 tan metrik bernilai hampir RM12.7 juta pada tahun 2016.

Bagi menyokong industri ini, pada tahun 2018 kerajaan akan memberi fokus kepada penaikan taraf infrastruktur di jeti-jeti pendaratan ikan, khususnya jalan masuk ke pangkalan di Hutan Melintang, Bagan Datuk, Pantai Remis, Pangkor, Batu Tiga dan Batu Empat Segari, Manjung Selatan serta Tanjung Piandang dan Kuala Kurau.

*Kedua:* Perak adalah jelapang padi kedua terbesar selepas negeri Kedah, meliputi kawasan Seberang Perak, Sungai Manik dan Kerian. Ia melibatkan 41,811 hektar dengan hasil Empat Ratus Dua Puluh Lapan Ribu, Tiga Ratus Lapan Puluh Dua (428,382) metrik tan setahun. Alhamdulillah, ini semua dicapai berkat sokongan Kerajaan Persekutuan yang memperuntukkan RM158 juta setahun dalam bentuk subsidi baja dan memanfaatkan 17,000 pesawah.

*Ketiga:* Perak juga merupakan salah satu negeri pengeluar utama durian, dengan pengeluaran sebanyak 25,642 metrik tan meliputi kawasan seluas 4,805 hektar pada tahun 2016. Alhamdulillah “**lepas merajuk sebab bah beso tahun 2014, moncah kume dengan deroyan hari ini, dulu juai longgok, sekarang udah pakai kilo**” kata orang Kampung Gajah, yang kini menerima hasil durian yang besar dan ia sudah tentu meningkatkan lagi jumlah pengeluaran durian negeri Perak.

*Keempat:* Selain itu, Perak juga antara pengeluar daging rusa terbesar iaitu 25 peratus daripada keseluruhan populasi ternakan rusa di Malaysia. Yang Berhormat daging rusa ini jenis *lean meat* (dengan izin) dan tinggi proteinnya. Jadi, Yang Berhormat kena rasa sebab kata suku Pattani di Lenggong daging ini “**sedaq betto..**”

*Kelima:* Negeri ini juga adalah pengeluar utama telur itik dalam negara. Kisah Nur Amalina binti Abdullah, pengusaha ternakan itik penelur dan pengeluar telur masin dari Malim Nawar menjadi bukti industri ini boleh dikembang pesatkan. Penerima Anugerah Penternak Jaya peringkat Negeri Perak pada tahun 2015, dan Pemenang Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (*Rural Business*

*Challenge) 2012 itu kini, menjadi konsultan dan memberi kursus melalui Program Mentor Mentee kepada pengusaha itik baru.*

47. Semoga pengumuman bajet Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pembangunan sumber kekayaan baharu sektor agro makanan yang berterusan, dengan peruntukan RM1 bilion bagi tempoh 5 tahun akan memanfaatkan serta melonjakkan lagi industri pertanian dan asas tani di negeri ini.
48. Penternakan ruminan terus dibangunkan melalui pelbagai kaedah termasuk pembangunan tanah padang ragut. Bagi tahun 2017 hingga 2018, seluas 250 ekar padang ragut akan dipulihkan secara berperingkat dan memberi manfaat kepada 350 penternak.
49. Pembangunan penuh padang ragut bagi seluruh negeri Perak boleh mencapai 10,000 ekar dengan tidak kurang 10,000 ekor ternakan seperti lembu, kerbau, rusa, kambing dan bebiri serta memanfaatkan 1,091 penternak.
50. Sesuai dengan kepentingan sektor pertanian dan penternakan, terutama dalam memastikan jaminan pengeluaran bahan makanan, sebanyak **RM12 juta** diperuntukkan pada tahun 2018:

- **RM6 juta**, iaitu pertambahan RM1 juta berbanding tahun 2017 bagi pembangunan industri florikultur, komoditi, perkhidmatan sokongan dan pengembangan di bawah Jabatan Pertanian;
- **RM5 juta** kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, bagi pembangunan industri ruminan dan bukan ruminan serta kawalan penyakit ternakan; dan
- **RM1 juta** bagi maksud pengurusan sumber perikanan darat serta pembangunan perikanan.

51. Selain itu, untuk memulih dan merancakkan kegiatan ekonomi pertanian, Kerajaan Negeri juga turut memberi sokongan dan bantuan dalam bentuk kewangan dan barangang bagi meningkatkan pendapatan usahawan tani. Sebanyak **RM4.5 juta** disediakan menggunakan peruntukan **Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN)** untuk **Program Prihatin Rakyat** iaitu (*Touchpoints*) bagi tahun 2018 merangkumi pemberian benih, baja, baka ternakan, sampan, enjin, peralatan dan lain-lain.

### **JARINGAN PENGANGKUTAN DARAT, UDARA DAN LAUT**

52. Negeri Perak mempunyai rangkaian dan kemudahsampaian yang baik melalui laluan darat, udara dan laut. Dengan laluan terpanjang iaitu 220

kilometer dan 17 persimpangan keluar masuk, Lebuh raya Utara – Selatan menjadi pemangkin kepada pembangunan daerah-daerah di negeri Perak.

53. Ditambahkan lagi dengan pembinaan Lebuh raya Pantai Barat (WCE) sepanjang 170 kilometer yang menghubungkan Banting – Taiping, dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019. Kemajuan kerja WCE di Negeri Perak sehingga kini mencapai hampir 50 peratus. Dengan siapnya WCE ini, ia akan lebih merancakkan pembangunan Wilayah Perak Selatan yang melibatkan Daerah Bagan Datuk dan Hilir Perak, Bandar Maritim Lumut dan *Greater Kamunting* di Daerah Larut Matang Selama.

54. Begitu juga dengan perkhidmatan Keretapi Elektrik ETS Ipoh Kuala Lumpur dan Ipoh Padang Besar. Dengan 14 stesen, bermula di Tanjung Malim hingga ke Parit Buntar, ia akan memudahkan perjalanan rakyat negeri ini ke utara mahupun selatan, dan juga pelancong ke negeri Perak. Pada tahun 2016, jumlah penumpang Perkhidmatan ETS di negeri Perak mencecah hampir 2.5 juta orang.

55. Selain itu, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) terus aktif pengoperasiannya dengan penerbangan domestik dan antarabangsa melalui tiga syarikat penerbangan iaitu Firefly, Malindo Air dan Scoot Tiger Airways.

56. Rekod pengendalian penumpang di LTSAS Ipoh pada tahun 2016 adalah seramai 269,610 orang. Ia mencatatkan **jumlah kenaikan 247,673** orang penumpang atau **1,129 peratus** berbanding tahun 2009 iaitu cuma 21,937 orang sahaja. Pada tahun 2017, LTSAS menyasarkan jumlah pengendalian penumpang seramai 293,214 penumpang.
57. Bagi perkhidmatan bas, Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat telah melancarkan program MyBAS di Bandaraya Ipoh yang melibatkan 19 laluan dengan 12 laluan utama (*trunk route*) dan tujuh laluan pengantara (*feeder route*) menggunakan 50 buah bas.
58. Berdasarkan kepada statistik penumpang terkini sehingga September 2017, purata penumpang bulanan yang dikendalikan adalah seramai 103,657 orang, kedua tertinggi selepas operasi MyBAS di Seremban. Buat masa ini jumlah penumpang harian yang dikendalikan adalah seramai 3,455 orang melebihi sasaran 3,200 orang.
59. Bagi Disember tahun ini, laluan MyBAS akan diperluaskan sehingga ke Seri Iskandar (sebahagian Daerah Perak Tengah) dan Stesen Bas Gopeng (sebahagian Daerah Kampar). Ini akan meningkatkan lagi purata penumpang bulanan dari 103,657 orang kepada 162,294 orang dan penumpang harian juga dapat ditingkatkan dari 3,455 orang kepada 5,410 orang.

60. Kerajaan Negeri akan terus memastikan rangkaian pengangkutan dan perhubungan memasuki Negeri Perak diuruskan dengan baik. Oleh itu, pada tahun 2018, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM2.5 juta untuk perkhidmatan Bas Rakyat** bagi laluan-laluan yang tidak menguntungkan dan capaian pengangkutan awam sukar seperti di kawasan Kuala Kangsar dan Manjung. Perkhidmatan ini akan diperluaskan ke daerah-daerah lain seperti Muallim dan Kerian.
61. Bagi penyenggaraan jalan raya sejak 2009 sehingga kini, sepanjang **172 ribu kilometer** telah berjaya diselenggara dan dibaik pulih. Ia meliputi jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung, jalan pertanian, jalan kawasan perumahan dan jalan di pulau pelancongan, dengan perbelanjaan sebanyak **RM2.5 bilion** melalui Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya (MARRIS).
62. Orang Banjar Bagan Sarai bersurah, "**Baharek jalan di sini tarok banar. Wahine nah', napang di tiring... tu' pang handak menyambat**" (*Dulu jalan di sini teruk sangat, sekarang sudah cukup baik...nak bagi tau la ni*) bagi menggambarkan Jalan Tebuk di Kampung Parit 4, Selinsing dan Parit Sungai Dungun, yang kini telah diturap dan diselenggara dengan baik. Bagi tahun 2018, Perak dijangka menerima kira-kira **RM470 juta** bagi penyelenggaraan jalan-jalan negeri melalui peruntukan MARRIS.

63. Di samping itu, rakyat juga beroleh manfaat daripada pembinaan beberapa jalan baru antaranya:

- Jalan Air Kuning ke Kampung Gajah sepanjang 21 kilometer, menjimatkan masa perjalanan sehingga 25 minit, berbanding 50 minit melalui Jalan Teluk Intan sebelumnya.
- Jalan Tanjung Kala ke Lebuhraya Timur Barat, Hulu Perak. Kini penduduk Tanjung Kala yang hendak ke Lebuhraya Timur Barat menggunakan jalan baru ini hanya berjarak 4 kilometer berbanding sebelumnya 15 kilometer.

64. Bagi tujuan pembinaan jalan dan jambatan baru, memperelok, melebar dan mengganti jalan masuk dan jambatan ke kawasan perindustrian, serta rawatan kawasan kemalangan (*blackspot*) dan pencahayaan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM36.5 juta** pada tahun 2018 berbanding **RM31.1 juta** pada tahun 2017, peningkatan sebanyak **17.4 peratus**. Peruntukan ini akan diurus oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perak.

65. Projek pembangunan jalan luar bandar dan jambatan bagi merangsang kegiatan sosio-ekonomi antara luar bandar dan bandar akan diteruskan. Pada tahun 2017, **RM3.61 juta** diperuntukkan, manakala bagi tahun hadapan, jumlah

ini ditambah lagi kepada **RM4 juta** dan diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

## **SEKTOR PELANCONGAN**

66. Dengan jajaran lebuh raya dan akses yang terbaik, Kerajaan Negeri komited untuk terus melonjakkan sektor pelancongan. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia dan Tourism Malaysia menunjukkan Negeri Perak telah menerima kedatangan pelancong domestik tertinggi selama empat tahun berturut-turut mulai tahun 2012 hingga 2015.

67. Manakala pada tahun 2016, di kedudukan kedua tertinggi dengan jumlah pelancong 7.2 juta orang di belakang Johor 7.4 juta pelancong. Walau bagaimanapun, bagi segmen pelawat harian, jumlah yang dicatatkan meningkat daripada 15 juta orang pada tahun 2015 kepada 16.8 juta orang pada tahun 2016.

68. Kita bersyukur, portal pengembaraan dunia *The Lonely Planet* buat kali kedua meletakkan Perak antara 10 wilayah terkemuka dunia untuk dilawati pada tahun 2017, mendahului *The Skellig Ring*, Ireland. Bandaraya Ipoh pula berada di tangga keenam sebagai destinasi menarik di Asia untuk dikunjungi untuk tahun yang sama.

69. Terbaru, semalam 20 November 2017, satu lagi pengiktirafan diperolehi oleh negeri ini apabila Perak menerima Anugerah Malaysia *Tourism Council* (MTC) *Gold Award* 2017 untuk kategori “*Destination Of The Year*”. Syabas kepada semua atas pengiktirafan ini.

70. Pengiktirafan-pengiktirafan ini, InsyaAllah akan menarik lebih ramai pelancong. Ia sudah tentu memberi impak limpahan ekonomi kepada rakyat, khususnya, pengendali pengangkutan, pengusaha makanan, kraf tangan serta kompleks-kompleks membeli belah. Banyak pengalaman menarik akan dirasai oleh pelancong. Kesedapan mee udang Kuala Sepetang, kemanisan limau bali Tambun, kepedasan nasi vanggey Ipoh, keenakan ikan bakar Tasik Raban, kesedapan udang galah di Teluk Intan, ayam tauge dan soya, ladang gaharu yang luas, kesuburan tanaman Tanah Tinggi Kinta serta keindahan senibina bangunan warisan di negeri ini.

71. Kerajaan Negeri komited untuk memastikan pelaburan di kawasan eko-pelancongan disusun dan dilaksanakan dengan rapi di setiap daerah. Kita juga akan mempelbagai dan memasarkan produk-produk pelancongan dan warisan yang terkenal di negeri ini seperti Bandar Warisan Taiping yang juga dikenali sebagai *The First City*, produk tekat dan labu sayong di Kuala Kangsar dan eko-pelancongan Royal Belum di Hulu Perak.

72. Sempena Tahun Melawat Perak 2017 pelbagai acara telah dijalankan, antaranya:

- *Ipoh International Waiter Race;*
- *Ipoh International Run;*
- *Badang Challenge;*
- *Karnival Lenggong;*
- Pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia;
- *World Eco Tourism Expo;*
- *Larut British Malaya di Taiping; dan*
- *Ipoh Culture Parade.*

73. Berdasarkan pelbagai pengiktirafan dan banyaknya keunikan yang ditawarkan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM8 juta** pada tahun 2018, untuk menyemarakkan lagi sektor pelancongan Perak Darul Ridzuan.

## **WILAYAH PERAK SELATAN DAN KAJIAN MANJUNG**

Dato' Yang Dipertua,

74. Bak kata pepatah “*kata bersambut tangan bertaut*” begitulah halnya pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2018 - komitmen kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah wang

bagi Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS) antara lima koridor utama negara.

75. Saya katakan demikian, kerana dalam Dewan yang mulia ini pada pembentangan Bajet 2016, saya telah membentangkan Pelan Rancangan Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS) yang meliputi Daerah Batang Padang dan Hilir Perak pada ketika itu. Kini dengan kewujudan dua daerah baru iaitu Muallim dan Bagan Datuk, WPS akan meliputi empat daerah, yang akan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi melalui rantaian baharu serta merangsang pembangunan sosio-ekonomi secara holistik dan lestari. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

### **DAERAH MUALLIM**

76. Memasuki Gerbang Selatan Perak dimulai dengan daerah Muallim yang disasarkan untuk menjadi pusat automatif terkemuka di Asia Tenggara melalui Projek *Next Generation Vehicle 2025* (NXGV25) dalam teknologi *Connected Autonomous Vehicle* (CAV) menjelang tahun 2025.

77. Kajian Pra-Perlaksanaan projek ini telah dimuktamadkan pada bulan Ogos 2017. Projek ini akan menjadi platform baru dan dianggarkan 12,400

peluang pekerjaan nilai tinggi ditawarkan menjelang tahun 2035 untuk kerjaya profesional seperti jurutera, jurukod perisian dan sebagainya.

78. Projek ini juga dijangka turut menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), dianggarkan berjumlah hampir **RM25 bilion** menjelang tahun 2035. Pelaksanaan Fasa Satu projek ini akan bermula pada tahun 2018 sehingga 2023.

79. Projek-projek di Daerah Muallim ini juga selaras dengan pelaksanaan **Bandar Belia Satu Malaysia (1MYC)** khusus kepada belia yang ingin mengembangkan kerjaya dalam bidang automatik dan keusahawanan. Lebih bermakna apabila baru-baru ini, Tanjung Malim turut diisyihar sebagai **Bandar Belia Komanwel** semasa lawatan Prince Charles ke Malaysia. Ia satu lagi pengiktirafan kepada usaha kerajaan dalam menyediakan perancangan jangka panjang untuk anak-anak muda.

### **DAERAH BATANG PADANG**

80. Di bawah pelan pembangunan WPS, Tapah bakal dibangunkan sebagai *New Township - EduCity* yang merupakan pusat pendidikan teknikal dan vokasional serta hab pendidikan bersepadu yang menempatkan fakulti universiti terpilih, kolej kemahiran, institusi pendidikan, pusat penyelidikan dan

pembangunan (R&D), penginapan pelajar serta kemudahan rekreasi dan sukan. Kajian Pra-Perlaksanaan bagi projek ini dijangka selesai pada bulan April 2018.

81. Pada masa yang akan datang, Tapah bakal menjadi hab dan tumpuan di mana para intelektual bergabung dan disatukan selaras dengan evolusi pelbagai universiti dan kampus yang akan ditubuhkan untuk menghasilkan individu-individu yang kemahiran tinggi di WPS. Ia sekali gus akan meningkatkan ekonomi setempat di daerah Batang Padang.

### **DAERAH HILIR PERAK**

82. Pembangunan WPS bagi daerah Hilir Perak akan memberi tumpuan kepada industri hiliran pertanian dengan penggunaan teknologi moden dan inovasi, dalam pembangunan kluster biotek. Kajian untuk Pelan Pembangunan Industri Berasaskan Pertanian akan dimulakan pada awal tahun 2018.

83. Pelan bagi membangunkan industri asas tani di Teluk Intan adalah selaras dengan prinsip keterangkuman (“*inclusiveness*”) yang akan menggalakkan penglibatan masyarakat tempatan, khususnya golongan B40.

## **DAERAH BAGAN DATUK**

84. Sebagai Daerah Baru, Bagan Datuk merupakan antara fokus utama dalam pelan Rancangan Pembangunan WPS. Kita amat bertuah kerana Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Ahmad Zahid Hamidi cukup komited membangunkan tempat kelahirannya untuk kesejahteraan rakyat negeri Perak melalui suntikan peruntukan khas Kerajaan Persekutuan.

85. Antara Projek yang telah dimulakan adalah Jambatan Bagan Datuk ke Kampung Sejagop, Daerah Perak Tengah. Apabila siap kelak pada tahun 2020, “***biyen adhoh ... saii-ki wes chereeq.....” (dulu jauh, sekarang dah dekat)***, kata Wak Nuar yang membayangkan jarak perjalanan Bagan Datuk – Sejagop semakin dekat. Dulu sejauh 50 kilometer dan mengambil masa satu jam, kini hanya 15 minit sahaja dengan jarak 10.2 kilometer. Bagan Datuk bukan lagi ‘jalan mati’. Makin dekatlah handai taulan, makin rancaklah laluan perniagaan dan makin dekatlah Bagan Datuk dan Pasir Salak dan seterusnya ke Manjung dan Lumut.

86. Selain daripada itu, terdapat beberapa projek lain yang telah pun disiapkan, iaitu *Waterfront* Pekan Kecil Bagan Datuk telah siap pada 20 Oktober 2017 dan krematorium di Tanah Perkuburan Hindu, Simpang Empat, Hutan Melintang pada 31 Ogos 2017.

87. InsyaAllah, dengan peruntukan keseluruhan pembangunan Bagan Datuk melalui Rancangan Malaysia Ke-11 melibatkan peruntukan berjumlah **RM1.74 bilion**, Kerajaan Negeri akan memastikan projek-projek lain yang sedang **dalam pelaksanaan** seperti Pusat Giat Mara, Politeknik, pembangunan landskap dan MRSM Bagan Datuk dipantau secara dekat. Bagi projek-projek lain seperti pembinaan Kompleks Sukan, Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perpustakaan Digital dan Ibu Pejabat Polis Daerah Bagan Datuk, ianya akan dimulakan pada tahun 2018.

88. Pembangunan *Bagan Datuk Water City* (BDWC) dan *Perak Industial Heavy Park* (PHIP) yang diterajui oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dijangka mewujudkan 30,000 peluang pekerjaan, sesuai dengan unjuran pertambahan penduduk yang dianggarkan 80,000 orang menjelang 2035. Ini sudah tentu akan melimpahkan banyak manfaat kepada penduduk Bagan Datuk baik dalam sektor perkhidmatan mahupun peluang keusahawanan.

## **DAERAH MANJUNG**

89. Seterusnya memasuki daerah Manjung yang merupakan Bandar Pelancongan dan Maritim, syukur Alhamdulillah, Pulau Pangkor telah diisyiharkan sebagai Pulau Bebas Cukai.

90. Impian rakyat untuk menjadikan Pulau Pangkor sebagai destinasi untuk membeli belah dan juga sebagai tarikan pelancong, telah direalisasikan oleh Kerajaan. Ini tentunya akan merancakkan lagi ekonomi penduduk setempat dan ekonomi negeri Perak secara keseluruhannya.

91. Sesuai dengan “*Manjung Blueprint*” Kerajaan Negeri juga akan mengukuhkan pelaksanaan Manjung Amanjaya *Maritime City* yang memberi penumpuan kepada pembangunan pelaburan industri maritim, perkapalan, pelancongan, pengeluaran produk akuakultur dan perikanan pantai. Kajian ini juga akan mengubah wajah kawasan Teluk Senangin, Beruas, Lekir, Segari, Kampung Aceh dan Pulau Pangkor yang menyokong semua aktiviti tersebut dengan lebih pesat lagi.

92. Lumut Maritime Terminal (LMT) yang merupakan operator dan pengurus bagi Lekir *Bulk Terminal* (LBT), sebuah terminal yang dikhususkan bagi menguruskan arang batu untuk Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah di Sri Manjung telah merekodkan peningkatan pengendalian kargo sebanyak 3.3 juta tan metrik pada tahun 2016 berbanding 3.05 juta tan metrik pada tahun sebelumnya.

## **PEMBANGUNAN DAERAH-DAERAH LAIN**

93. Demikian juga dengan pembangunan di daerah Larut Matang Selama (LMS), Hulu Perak, Perak Tengah, Kerian, Kuala Kangsar dan Kampar tidak dilupakan dalam perancangan pembangunan negeri, antaranya:

- *Greater Kamunting* di daerah LMS;
- Pelan Belum-Temengor dan pembangunan industri eko pelancongan di Hulu Perak;
- Pelan perancangan Taman Teknologi Penerbangan dan Aero-Angkasa di Perak Tengah;
- Industri pertanian bernilai tinggi di Kerian;
- Industri pelancongan, warisan dan budaya di Bandar DiRaja Kuala Kangsar; dan
- Pembangunan T-City yang merupakan pusat perdagangan dan sukan pemotoran di Daerah Kampar.

## **PEMBANGUNAN PEKAN-PEKAN KECIL**

94. Pembangunan pekan-pekan kecil di negeri Perak, mampu mencipta dan mengagih peluang ekonomi kepada masyarakat Bumiputera dengan membangunkan pusat komersial di luar bandar. Inisiatif pembangunan semula

pekan kecil ini, adalah manifestasi supaya wujudnya pemerataan pembangunan, yang turut sama dirasai masyarakat kawasan-kawasan kampung, pedalaman dan luar bandar. Di sinilah, tempat untuk saudara-saudara kita di kampung-kampung menjalankan aktiviti ekonomi mereka. Diharapkan ia akan menjadi pemangkin kepada pewujudan peluang pekerjaan dan pembangunan usahawan tempatan yang berhasrat untuk memajukan ekonomi di kawasan mereka.

95. Sebanyak 12 buah pekan kecil telahpun memperolehi Sijil Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*) yang melibatkan:

- Daerah Larut Matang dan Selama (Pekan Kecil Trong, Pekan Kecil Ijok dan Pekan Kecil Kubu Gajah);
- Daerah Hulu Perak (Pekan Kecil Lawin);
- Daerah Manjung (Pekan Kecil Lekir);
- Daerah Kuala Kangsar (Pekan Kecil Sauk dan Pekan Kecil Manong);
- Daerah Kerian (Pekan Kecil Semanggol dan Pekan Kecil Simpang Lima);
- Daerah Muallim (Pekan Kecil Slim Village);
- Daerah Bagan Datuk (Pekan Kecil Bagan Datuk); dan
- Daerah Batang Padang (Pekan Kecil Temoh).

96. Tidak lama lagi, Pekan Kecil Changkat Jong juga akan siap bagi merancakkan ekonomi tempatan di Daerah Hilir Perak. Kos pembangunan Pekan-Pekan Kecil ini berjumlah **RM45.5 juta** dan Kerajaan Negeri turut akan memastikan tujuh buah lagi Pekan Kecil dapat disiapkan dalam tahun 2018.

97. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada PKNP kerana berkongsi kemakmuran bersama rakyat, dengan membiayai keseluruhan kos pembangunan Pekan-Pekan Kecil.

Dato' Yang Dipertua,

### **KESEJAHTERAAN RAKYAT**

#### **Menjamin kehidupan berkualiti melalui Pembinaan Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik untuk Rakyat**

98. Selaras dengan AKUJANJI Kerajaan Barisan Nasional untuk kehidupan berkualiti, Kerajaan Negeri Perak dengan mandat yang diberikan, berazam untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dan kurang berkemampuan untuk memiliki tempat tinggal yang selesa.

99. Berdasarkan rekod, pemilikan aset di kalangan rakyat negeri ini khususnya rumah telah mencapai 82.4 peratus. Namun, usaha akan terus dipergiatkan terutamanya bagi menyediakan perumahan untuk rakyat.

100. Sejak tahun 2013, pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik semakin rancak dilaksanakan oleh pelbagai jabatan, agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta sektor swasta. Ditambah pula dengan penubuhan Lembaga Perumahan Hartanah Perak (LPHP) pada tahun 2016, pembangunan perumahan di negeri ini telah diselia dan dipantau dengan lebih teratur. Kerajaan Negeri telah menurunkan harga siling rumah mampu milik daripada **RM300,000** kepada **RM250,000** seunit. Sehingga kini, sebanyak **12,270 buah telah siap dibina dan 28,027 buah** sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan dan sebahagian besarnya dijangka siap pada tahun 2018. **Kisah Mohd Nor Pathudin**, bekas pesara tentera yang selama berkhidmat hanya tinggal di kuarters, adalah antara mereka yang telah memperolehi manfaat daripada pembinaan rumah mampu milik ini.

101. Selain itu, Yayasan Bina Upaya melalui Skim Infra Bina Upaya (IBU) dengan peruntukan RM37 juta sejak tahun 2010, telah berjaya menjalankan **program bina baru dan baik pulih rumah**, sebagai bantuan kepada golongan miskin. Hasilnya:

- Sehingga kini telah berjaya membina **432 rumah baru**, yang memberikan manfaat kepada penerimanya seperti **Encik Lim Chee Keen**, di Jelapang yang saya lawati semasa perayaan Tahun Baru Cina 2016 yang lalu. Beliau seorang pemandu lori dengan enam orang tanggungan. Dengan bantuan ini, rumahnya yang usang berusia 50 tahun telah diganti baru.
  - Sama juga halnya dengan **Encik R. Shanmugam**, seorang warga emas di Buntong. Kisahnya yang sedih, hanya bergantung harap kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan menjaga seorang anaknya yang kurang upaya akibat kemalangan. Saya ziarahi beliau semasa perayaan Deepavali tahun 2015, dan sambutan perayaan cahaya tahun itu benar-benar menyinari hidupnya, apabila YBU berjaya menyiapkan rumah barunya pada 11 Februari 2016.
  - Puan Zaitun binti Ismail, pula dari Kampung Anak Kurau, Kuala Kurau yang rumahnya rosak ditimpa pokok akibat dilanda ribut, adalah satu cerita daripada **2,103 rumah** yang telah dibaik pulih di bawah Skim IBU.
102. Untuk Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA) pula, sejak diperkenalkan pada 2012 dengan pinjaman tanpa faedah, telah membina **652 buah rumah**, dengan perbelanjaan **RM42.5 juta**.

- **Cik Nur Fataniah Fatni Azlan dari Kampung Sayong**, kini boleh menarik nafas lega kerana melalui SRIA beliau dapat membina rumah untuk keselesaan ibunya yang merupakan seorang kelainan upaya (OKU).
- Begitu juga halnya dengan **Puan Norlida Tajuddin, seorang ibu tunggal** dari Kampung Sungai Siputeh, Selama. Kini, selesa tinggal bersama tiga anaknya, setelah hampir lima tahun menumpang di rumah abangnya setelah membuat pinjaman melalui SRIA.

103. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan (SSI) pula terlibat dalam pembinaan 100 unit kuarters bagi penjawat awam di Wilayah Lumut Kiri, Daerah Manjung yang telah siap dibina pada September 2017 dengan kos pembinaan sebanyak **RM26 juta**.

104. Kumpulan PKNP yang memberikan fokus kepada pembinaan Rumah Mampu Milik, sehingga kini telah melancarkan 2,328 buah unit bagi tempoh 2015 sehingga Ogos 2017. Sebanyak 7,672 lagi akan dilancarkan sehingga tahun 2018, bagi mencapai sasaran 10,000 buah rumah Mampu Milik yang ditetapkan.

105. Kerajaan Negeri terus komited untuk menyediakan perumahan mampu milik dan kos rendah kepada rakyat. Bagi maksud itu, **RM89 juta** diperuntukkan untuk sektor perumahan termasuk RM50 juta daripada MTEN dan selebihnya daripada Bajet 2018. Untuk itu:

- LPHP diperuntukkan sebanyak **RM56 juta** untuk peruntukan pembangunan dan **RM6 juta** untuk pengurusan;
- YBU pula diperuntukkan sebanyak **RM15 juta** iaitu **RM10 juta** bagi Skim Rumah Insan Amanjaya dan **RM5 juta** untuk Program Bantuan Rumah; dan
- SSI sebanyak **RM12 juta** untuk pembinaan kquarters penjawat awam.

106. Dengan peruntukan tahun 2018 berkenaan, LPHP akan membangunkan Rumah Amanjaya di Daerah Perak Tengah, Kampar, Manjung, Hilir Perak dan Muallim. Selain itu Program Khas Perumahan Perwira Negeri Perak (PKPPNP) sebanyak 1,860 buah rumah teres setingkat bakal dibina di Segari, Manjung, Mukim Bota, Perak Tengah dan Mukim Batang Padang, Tapah.

107. SSI pula dengan peruntukan yang disediakan, akan membina kquarters penjawat awam di Daerah Muallim, sebanyak 100 buah unit. Pada masa yang sama, SSI turut membangunkan **Projek Perumahan Penjawat Awam (PPA1M)** negeri Perak:

- 208 unit pangsapuri di Kampung Dato' Seri Kamaruddin Manjung;
- 288 unit pangsapuri dan 72 buah rumah setingkat di Pengkalan Pegoh, Ipoh.

108. Kedua-dua projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019. Projek-projek ini apabila siap kelak akan membolehkan 568 penjawat awam memiliki kediaman mampu milik seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan.

109. Manakala di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu **MyBN HOME**, Kementerian Kewangan memperuntukkan RM3 juta pada 2017 untuk:

- Membangunkan 50 buah rumah di Lekir, Daerah Manjung yang telah pun siap dibina; dan
- **RM3 juta** lagi bagi tahun 2018 untuk pembinaan sekurang-kurangnya 50 buah rumah di Kampung Raja Bashah, Kuala Kurau, Daerah Kerian.

110. Sebagai usaha penggalakan pembangunan perumahan kos rendah oleh pelbagai pihak, termasuk pemaju perumahan swasta, Kerajaan Negeri telah mengumumkan pemberian insentif pada pembentangan Bajet 2017 yang antaranya melibatkan:

- Pemotongan bayaran premium tanah antara 71 hingga 75 peratus ke atas pembangunan perumahan kos rendah, menjadikannya hanya RM100 bagi tiap-tiap unit yang dibangunkan;
- caj pemajuan 25 peratus dikurangkan kepada **lima peratus** khusus untuk pembangunan rumah kos rendah; dan
- pengecualian sepenuhnya bagi tujuh lagi caj yang sebelum ini perlu ditanggung oleh pemaju seperti, Fi Kebenaran Merancang; Fi Pelan Kerja Tanah dan beberapa Fi yang lain.

111. Untuk itu, semua pemberian insentif yang diumumkan pada tahun 2017 akan diteruskan pada tahun hadapan.

Dato' Yang Dipertua,

**Meringankan beban rakyat melalui bantuan kos sara hidup**

112. Melalui pendekatan Permukiman Daerah Menteri Besar, terlalu banyak kisah dan cerita rakyat melekat di hati. Suka duka, jerih payah, resah gelisah mereka amat menginsafkan. Sebagai kerajaan yang memahami, dan menjunjung mandat yang diberi mentadbir negeri, usaha meringankan beban

hidup mereka tetap menjadi keutamaan. Untuk itu, beberapa pendekatan yang telah pun dilaksanakan beberapa tahun kebelakangan ini, akan diteruskan dengan beberapa penambahbaikan dan pendekatan yang lebih segar.

113. Inisiatif Kedai Bergerak 1Amanjaya (KB1AJ) yang menawarkan barang keperluan asas pada harga rendah atau harga kilang bersubsidi, di lokasi-lokasi kawasan pedalaman atau yang jauh dari kemudahan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) kepada golongan B40, **akan diteruskan.**

114. Namun atas keprihatinan, bermula tahun 2018, selain daripada program KB1AJ sedia ada, Kerajaan Negeri melalui YBU akan melaksanakan **Karnival Kedai Bergerak 1Amanjaya di setiap daerah pada setiap bulan, dan terbuka kepada semua golongan termasuk M40.**

115. Inisiatif ini akan disokong oleh agensi-agensi lain seperti FAMA dan LKIM yang sama-sama menawarkan barang basah seperti **sayur dan ikan pada harga murah.**

116. Berdasarkan kajian perbandingan yang dilaksanakan, KB1AJ lebih jimat:

- 28% berbanding kedai runcit;
- 25% berbanding sebuah pasaraya tempatan; dan
- 15% berbanding harga di Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M);

117. Untuk itu, bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM2 juta** bagi operasi Kedai Bergerak 1Amanjaya, berbanding RM750,000 sahaja pada tahun ini.

118. Selain itu, bantuan bagi **Program Bantuan Ikhlas Bina Upaya** yang merupakan bantuan kotak makanan untuk golongan miskin, mudah miskin dan miskin tegar serta **Program Bantuan Imarah Bina Upaya** juga akan diteruskan pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak **RM6 juta**.

119. Golongan miskin, warga tua dan anak-anak yatim tidak pernah dipinggirkan daripada Bajet Kerajaan Negeri selama ini. Untuk itu, pada tahun 2018, sejumlah **RM32.04 juta** diperuntukkan iaitu peningkatan sebanyak 6.6 peratus, berbanding tahun 2017 dengan agihan seperti berikut:

- **RM30.89 juta** untuk Bantuan Am Kebajikan, yang akan menyaksikan kenaikan bantuan daripada RM250 kepada RM300 hingga RM450 berdasarkan keperluan dan insiden isi rumah;
- **RM1 juta** bantuan kepada Pusat Jagaan Anak-anak Yatim; dan
- **RM0.15 juta** kepada Pusat Jagaan Warga Tua yang berdaftar dengan JKM.

120. Selain insentif berkenaan, kerajaan juga bersetuju menaikkan bantuan kepada anak-anak kelainan upaya yang dihantar ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), daripada **RM150 sebulan kepada RM200 sebulan**. Ini adalah insentif kepada mereka yang menghantar anak-anak kelainan upaya ke PDK. Walau bagaimanapun, bantuan RM150 kekal bagi anak-anak kelainan upaya yang tidak dihantar ke pusat berkenaan.

121. Kerajaan juga tidak lupa mewujudkan peluang berkualiti kepada wanita untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Oleh itu, bajet tahun 2018 memperuntukkan **RM3 juta** untuk Program Pembangunan Wanita dan Kebajikan termasuk Program Bantuan Barang Perniagaan (BANTUNITA) seperti ketuhar, mesin jahit dan peti sejuk industri percuma bagi merancakkan lagi penglibatan wanita dalam bidang perniagaan.

122. Selain itu, melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Kerajaan turut melaksanakan program peningkatan sara diri dan bantuan kos sara hidup melalui dividen ladang rakyat. Bagi tahun 2018, seramai 4,190 orang akan menerima dividen yang keseluruhannya berjumlah hampir RM13 juta. Alhamdulillah, sejak 2013 program ini telah memberikan dividen sebanyak kira-kira RM36 juta kepada antaranya golongan rakyat termiskin, ibu tunggal dan golongan yang berpendapatan rendah.

## **Keselamatan**

123. Keselamatan rakyat dan kepentingan untuk mengekalkan keamanan, perpaduan dan menangani isu *ekstremisme* tetap diberikan keutamaan. Oleh itu, selain daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri pada tahun 2018 memperuntukkan **RM4.1 juta**. Bagi maksud tersebut, agihan peruntukan adalah seperti berikut:

- **RM 1 juta** untuk usaha pencegahan jenayah khususnya jenayah ragut dan samun dengan meningkatkan rondaan di kawasan-kawasan 'panas' ;
- Oleh kerana ancaman dadah masih lagi menjadi barah dalam masyarakat, Kerajaan Negeri akan menaikkan peruntukan **RM 1.5 juta kepada RM2 juta** untuk pembanterasan najis dadah;
- Menghargai keharmonian kaum di negeri ini dan perlunya usaha mempertingkatkan jalinan sesama masyarakat, **RM1 juta** diperuntukkan untuk program perpaduan;
- Khidmat RELA juga tidak dilupakan, untuk itu **RM0.3 juta** diperuntukkan untuk program-program badan beruniform tersebut; dan

- **RM0.3 juta** diperuntukkan untuk Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) bagi program-program pendidikan keselamatan jalanraya.

### **Program Tabarru' Khairat Kematian**

124. Program Tabarru' Khairat Kematian merupakan keprihatinan Kerajaan Negeri bagi meringankan beban kewangan waris dalam urusan kematian. Program ini memudahkan ahli keluarga terutamanya bagi golongan yang kurang berkemampuan untuk menguruskan hal ehwal pengurusan jenazah atau mendiang disemadikan dengan lebih lancar dan sempurna. Program ini telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 dan seramai 10,917 orang telah menerima manfaat. Kerajaan Negeri Perak memperuntukkan **RM3 juta** bagi tujuan ini.

### **Pengupayaan Masyarakat Orang Asli**

125. Kerajaan Negeri tidak melupakan usaha-usaha pengupayaan di kalangan masyarakat Orang Asli. *Bak kata Orang Kite Suku Temiar di Temengor....“Jehrok en mat.. Tiluk en hup...Jauh di Mata dekat di Hati”*. Perak yang merupakan negeri kedua tertinggi populasi Orang Asli, telah melaksanakan pelbagai pendekatan untuk membela nasib mereka.

126. Antaranya, Perak merupakan negeri pertama yang telah merizabkan tanah sebagai tanah rizab Orang Asli. Sehingga kini 13,562 hektar tanah telah diwartakan. Selain itu, kerajaan juga telah membuka operasi Sekolah Menengah Kebangsaan Bawong, Sungai Siput yang dilengkapi dengan kemudahan asrama bagi anak-anak Orang Asli. Ini merupakan sekolah menengah harian pertama Orang Asli di negara ini.

127. Bagi maksud pengupayaan dan pendidikan Orang Asli, kerajaan memperuntukkan **RM2.4 juta** pada tahun hadapan dengan pecahan **RM1.9 juta** bagi program pengupayaan dan **RM0.5 juta** diperuntukkan bagi program kecemerlangan murid-murid orang asli.

## **PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

128. Demi **Melahirkan Masyarakat Berilmu dan Generasi Cemerlang**, Kerajaan Negeri tekad memastikan anak-anak dan rakyat negeri ini mendapat peluang dan bantuan pendidikan yang sama rata khususnya golongan yang kurang berkemampuan.

129. Menyahut seruan Menuju TN50 yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan Negeri akan berusaha memastikan generasi TN50 cemerlang dan dilengkapi dengan pembangunan modal insan yang terbaik.

130. Pada 16 Mei 2017 yang lalu, saya telah menghadiri sambutan Hari Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Dato' Ahmad Said yang terletak dalam Gugusan Manjoi. Ramai yang tertanya, kenapa saya memilih untuk melawat sekolah Band 6 iaitu sekolah yang pencapaiannya rendah. Kita tidak meminggirkan anak-anak kita di sekolah-sekolah yang tergolong dalam kategori ini.

131. Susulan daripada itu, saya juga telah mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Perak dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD). Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Perak kerana menyahut saranan saya, apabila telah memilih sekolah-sekolah Band 6, satu di peringkat sekolah rendah dan satu sekolah menengah di setiap daerah untuk dijadikan anak angkat sebagai usaha mencari formula terbaik melonjakkan prestasi sekolah-sekolah yang tercorot ini.

132. Oleh itu, bagi melonjakkan prestasi pendidikan negeri Perak ke peringkat yang lebih baik, Kerajaan Negeri memperkenalkan program **Lonjakan Prestasi Pendidikan Amanjaya** dengan peruntukan sebanyak **RM8.5 juta**. Peruntukan pendidikan tersebut merupakan tambahan kepada peruntukan pendidikan daripada Kerajaan Persekutuan.

133. **Program Lonjakan Pendidikan Amanjaya** merupakan pendekatan bersepada sebagai usaha tambahan daripada Kerajaan Negeri dalam bidang pendidikan. Untuk melaksanakan program ini Yayasan Perak dilantik menjadi urusetia, yang melibatkan program:

*Pertama : **Pemetaan Minda** Abad Ke-21, yang memberi fokus kepada pemantapan kaedah pengajaran kepada guru-guru dalam matapelajaran fizik, kimia, biologi, matematik dan sejarah.*

*Kedua: **Bimbingan Peperiksaan Awam UPSR dan SPM** melalui platform sinergi program Tuisyen Online dan Tuisyen Gemilang, di mana penyediaan bahan lonjakan prestasi disediakan oleh guru-guru pakar dan guru-guru sumber Jabatan Pendidikan Perak. Program ini akan memberikan manfaat langsung kepada kira-kira 70,000 murid.*

*Ketiga : **Program Anak Cemerlang Amanjaya (ACE)** dilaksanakan bagi mengiktiraf anak-anak Perak yang cemerlang dalam bidang pendidikan, kurikulum, sukan dan inovasi, baik di peringkat kebangsaan maupun di peringkat antarabangsa. Contohnya kejayaan Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah dan Sekolah*

Menengah Kebangsaan Sungai Bayor, Rantau Panjang, Selama bagi Anugerah Kecemerlangan Inovasi serta Robotik.

134. Selain program berkenaan, Kerajaan Negeri tetap tidak lupa kepada bantuan pendidikan untuk semua kategori sekolah. Bagi tahun 2018:

- Meneruskan peruntukan **RM 1 juta** bagi tabung pendidikan khusus untuk murid kaum India;
- **RM3 juta** setahun sejak tahun 2010 diperuntukkan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Menengah Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Mubarigh; dan
- Demi keselesaan dan keselamatan Sekolah Agama Rakyat, **sejumlah RM3 juta** diperuntukkan bagi kerja-kerja baik pulih.

135. Sukacita saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, inisiatif pemberian tanah ladang kepada Sekolah Persendirian Cina (SUWA), Sekolah Agama Rakyat dan SJK Tamil, kini telah membawa hasil. SUWA umpamanya, secara purata telah menerima RM1.5 juta setahun hasil daripada ladang berkenaan.

136. Kerajaan Negeri juga meneruskan pemberian RM200 bagi setiap bayi kelahiran anak Perak, di bawah Tabung Pendidikan Amanjaya, yang didepositkan dalam akaun SSPN.
137. Penerima pertama Tabung Pendidikan Amanjaya ini ialah **anakanda Aashwin Anak Lelaki Sukumaran**. Lahir pada 8 Februari 2010, kini merupakan murid tahun satu SJK (C) Bandar Seri Botani. Kita bersimpati dengannya kerana setahun selepas kelahiran, ayahnya pula telah meninggal dunia. Saya telah mengarahkan YBU untuk menilai kedudukan keluarga berkenaan sekiranya ada keperluan yang boleh dibantu.
138. Sejak diperkenalkan sehingga kini, seramai 12,098 orang bayi telah mendapat bantuan ini. Bagi tahun 2018, peruntukan program ini dinaikkan sebanyak 20 peratus menjadikannya **RM0.6 juta**.
139. Alhamdulillah, program Tabung Pendidikan Amanjaya kini turut dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui ADAM50. Oleh itu, setiap anak Perak yang layak dan dilahirkan pada tahun 2018, akan menerima RM400 iaitu RM200 dari Tabung Pendidikan Amanjaya dan RM200 dari ADAM50. Tidak keterlaluan jika dikatakan, ADAM50 adalah perluasan program Tabung Pendidikan Amanjaya yang dipelopori kerajaan Barisan Nasional Negeri Perak dan disambut kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan.

140. Namun, melucukan ada negeri yang mengaku Kerajaan Persekutuan meniru negeri mereka dalam pemberian RM200 kepada anak-anak yang lahir. Sedangkan hakikatnya, negeri Perak telah lebih dahulu melaksanakannya.

141. Inilah cara Barisan Nasional, program yang baik dilaksanakan oleh negeri di bawah pentadbiran BN dikembang luaskan oleh kerajaan BN di peringkat Persekutuan.

Dato' Yang Dipertua,

142. Selain itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan Dermasiswa Negeri Perak. Sejak tahun 2009, seramai 104,000 anak-anak Perak daripada keluarga berpendapatan rendah telah beroleh manfaat. Bagi meluaskan lagi kumpulan penerima dan sebagai usaha membantu rakyat dalam perbelanjaan awal untuk melanjutkan pelajaran:

- Berkuatkuasa 1 Julai 2017, kemudahan ini diperluaskan lagi dengan menaikkan had **kelayakan permohonan** daripada pendapatan isi rumah **RM3,000 sebulan kepada RM5,000 sebulan.**

- Kolej Vokasional juga turut disenaraikan antara 57 IPT yang diiktiraf dan layak untuk memohon Dermasiswa Pendidikan Negeri Perak.

143. Untuk itu, peruntukan Dermasiswa dinaikkan RM0.5 juta menjadi **RM11.5 juta** bagi tahun 2018.

144. Selain Dermasiswa, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak, bagi anak Perak yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi. Dengan peruntukan sebanyak **RM6 juta**, pinjaman ini diberikan tanpa faedah dan boleh ubah. Sehingga kini, 111 peminjam yang mencapai keputusan cemerlang dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau sekurang-kurangnya purata Gred Kumulatif (CGPA) 3.75, pinjamannya telah ditukar menjadi biasiswa yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.05 juta. Kini, pinjaman tersebut diperluaskan ke peringkat Sarjana dan PHD bagi menggalakkan anak-anak kita meneroka ilmu ke peringkat lebih tinggi.

145. Golongan mahasiswa juga sentiasa dekat di hati. Untuk itu meneruskan lagi usaha **Program Pengupayaan Mahasiswa**, sebanyak **RM1.2 juta** diperuntukan bagi tahun 2018, dan program akan dilaksanakan melalui Majlis Perundingan Mahasiswa Perak di samping program-program lain yang berkaitan.

146. Melalui Majlis Perundingan Mahasiswa, pelbagai cadangan dan lontaran idea diberikan, sama ada untuk menambah baik program sedia ada, perancangan masa hadapan dan tidak kurang juga isu semasa yang dihadapi.
147. Untuk itu, memahami permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak negeri Perak daripada keluarga B40 dan menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara, dengan ini Kerajaan Negeri memperkenalkan **Skim Bantuan Sara Diri dan Kecemasan Amanjaya** dengan peruntukan **RM1 juta** pada tahun hadapan.
148. Melalui skim ini, peruntukan antara **RM10,000 hingga RM15,000** akan disalurkan melalui unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPTA yang terlibat dan dipantau bersama oleh Majlis Perundingan Mahasiswa Perak, bagi tujuan bantuan sara diri seperti bantuan makanan dan keperluan-keperluan kecemasan lainnya.
149. Bagaimanapun, dalam konteks Negeri Perak, kesemua 15 institusi pengajian tinggi yang ada di negeri ini termasuk UTAR / UTP / USAS dan Quest University akan termasuk di bawah skim bantuan ini.
150. Kerajaan Negeri juga komited dalam memperkasakan institusi pendidikan agama di Negeri ini. Justeru, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan sebanyak **RM20.77 juta** pada tahun hadapan bagi

pembangunan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR). Keutamaan perlu diberikan kepada aspek keselamatan bangunan, bagi mengelakkan kesedihan yang berlaku di beberapa sekolah tahniz sebelum ini daripada berulang.

151. Selain itu, kerajaan turut menyediakan **RM25.2 juta peruntukan pengurusan SMTDR** dan tiga buah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) lagi.

152. Melangkah ke peringkat yang lebih tinggi, Kerajaan Negeri turut menyediakan geran khusus untuk pengurusan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) sebanyak **RM16 juta**. Alhamdulillah, USAS yang kini sudahpun bertaraf universiti penuh, buat pertama kalinya pada majlis Konvokesyen bertarikh 18 November yang lalu, telah menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 41 graduan dan Ijazah Sarjana Muda kepada 17 graduan sulungnya.

153. Bagi pembangunan Modal Insan yang berkualiti, sejumlah **RM 9.2 juta** diperuntukkan bagi tahun 2018 untuk Program Pembangunan Modal Insan (PPMI), Progam Pusat Pemadanan Kerjaya Amanjaya (PEKA) dan pelbagai program latihan dan pembangunan insan luar bandar.

154. Antara program yang dilaksanakan adalah pemandanan pekerjaan, peningkatan kemahiran, pemetaan kerjaya, karnival kerjaya dan program-program di bawah TVET.
155. Selain itu, di bawah PPMI, kerajaan memperkenalkan **Program Sara Diri Amanjaya** yang menekankan aspek kos pengurusan diri, pengurusan hutang dan asas melabur. Ini bagi meningkatkan kefahaman khususnya di kalangan penerima bantuan, menetapkan keutamaan dalam pengurusan kewangan yang diterima, sesuai dengan Daya Hidup, Sara Hidup dan Gaya Hidup. Ini juga bagi memastikan mereka dapat membezakan antara keperluan, yang berkaitan dengan perkara asas dan kehendak yang lebih menjurus kepada hobi dan gaya.
156. Untuk memupuk daya kreatif dan inovasi golongan belia di Negeri Perak, peruntukan sebanyak **RM1.25 juta** telah disediakan untuk program di bawah *People of Remarkable Talent (PORT)*.
157. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan sebanyak **RM2 juta** bagi menghargai dan mendukung aspirasi serta idea golongan belia, di bawah Program Pengupayaan Generasi Muda.

Dato' Yang Dipertua,

## **SOSIAL DAN KEAGAMAAN**

158. Kerajaan Negeri akan terus menekankan penghayatan kepada kehidupan sosial dan beragama yang murni bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni. Sementelahan persekitaran yang semakin mencabar masa kini, pemupukan rasa saling menghormati, bertolak ansur di kalangan masyarakat amat penting diberi perhatian.

159. Mengakui kepentingan peranan kehidupan beragama di negeri ini, sejumlah **RM19 juta** diperuntukan bagi tujuan seperti berikut:

- **RM 10 juta** bagi pembinaan baru dan baik pulih masjid dan surau;
- **RM 5 juta** bagi projek baik pulih Rumah Ibadat Bukan Islam;
- **RM 3.5 juta** untuk Hal Ehwal Bukan Islam; dan
- **RM0.5 juta** bagi Hal Ehwal Kaum Sikh;

160. Manakala bagi tujuan pengurusan hal ehwal Islam, sesuai dengan kedudukan sebagai Agama Persekutuan, Kerajaan Negeri terus memperuntukkan:

- **RM 7.5 juta** untuk 3,150 guru KAFA sebagai tambahan kepada elaun yang dibayar oleh JAKIM. Dengan tambahan ini, setiap Guru KAFA negeri ini akan menerima elaun **RM1,100 sebulan**;
- **RM 11.2 juta** elaun 3,112 orang bilal dan siak yang menerima sebanyak RM300.00 sebulan;
- **RM 3.89 juta** bagi Jabatan Agama Islam Negeri; dan
- **RM 6.15 juta** bagi program Jabatan Kehakiman Syariah.

161. Bagi menghargai jasa dan kebajikan 260 Guru I'dadi, Guru Thanawi dan Guru Tadika Islam, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM3.4 juta** bagi menjadikan elaun bulanan yang diterima **RM1,100 sebulan**.

162. Di samping itu, untuk meningkatkan lagi peranan pelbagai pertubuhan masyarakat dalam sama-sama mewujudkan keharmonian dan membentuk masyarakat civil:

- **RM 6 juta** diperuntukkan bagi program Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) & masyarakat civil;
- **RM 1 juta** bagi program PIBG;
- **RM 0.5 juta** untuk Kelab Guru; dan
- **RM 1 juta** bagi program Majlis Kebudayaan Negeri dan Daerah.

## **Bantuan Khas**

163. Kerajaan Negeri amat menghargai peranan Ketua-Ketua Kampung. Sukacita saya ingin mengumumkan keputusan Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan elaun Ketua Kampung Tradisional, Ketua Kampung Baru, Ketua Kampung India dan Ketua Kampung FELDA.

164. Kerajaan Negeri bersetuju untuk menampung kekurangan daripada elaun bulanan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, bagi menjadikan elaun bulanan semua Ketua Kampung ini setara pada kadar **RM1,100** sebulan. Ini melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM2.43 juta** dengan agihan seperti berikut:-

- **RM 1.99 juta** untuk Ketua Kampung Tradisional
- **RM374,400** bagi Ketua Kampung Baru;
- **RM27,600** untuk Ketua Kampung India; dan
- **RM40,800** bagi orang Ketua Kampung FELDA.

165. Tidak dilupakan peruntukan pengurusan kepada semua Pusat Khidmat ADUN yang akan dinaikkan daripada **RM 2.83 juta** kepada **RM 2.95 juta** iaitu **pertambahan** daripada **RM 48,000** kepada **RM50,000** setahun.

## **MEMULIHARA KELESTARIAN SUMBER DAN KHAZANAH NEGERI**

Dato' Yang DiPertua,

166. Saya amat bersyukur kerana Negeri Perak dikurniakan Allah dengan kekayaan pelbagai sumber alam semulajadi, dari segi mineralnya, bio-diversiti, flora dan fauna serta kehidupan laut. Dari Tanjung Malim hingga ke Pengkalan Hulu yang menghijau dengan bukit bukau, gunung ganang batu kapurnya. Manakala Kuala Gula, Kuala Sepetang, Bagan Datuk dan Pulau Pangkor, nun membiru permai lautan saujana mata memandang. Tak salah jika saya kata, seperti ungkapan orang Cina.."***Pilicho... shan ming...shui xiu..***" yang bermaksud Perak yang mempunyai keindahan dan kedamaian.

Dato' Yang Dipertua,

167. Hampir **satu juta hektar** kawasan berhutan di Negeri ini telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan diuruskan melalui Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management – SFM*). Selaku negeri yang mengekalkan peratusan HSK tertinggi seluruh Semenanjung Malaysia, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM6 juta** bagi pengurusan kelestarian pelbagai sumber hutan serta pembangunan infrastruktur sokongan.

168. Dalam pada itu, bagi menambah nilai kepada khazanah dan sumber hutan negeri, pihak kerajaan terus berusaha bersungguh-sungguh menjadikan Geopark Lembah Kinta sebagai salah satu tapak Geopark Kebangsaan. Oleh yang demikian, bagi memperkasakan langkah tersebut, Perbadanan Taman Negeri telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi badan pengurusan Geopark Lembah Kinta. Selaras dengan itu, **geran pengurusan Perbadanan Taman Negeri** telah dinaikkan kepada **RM3 juta** untuk tahun 2018. Tambahan kepada itu, **RM0.5 juta** lagi geran khusus diperuntukkan bagi **Program Geopark Lembah Kinta** pada tahun hadapan.

169. Banyak lagi khazanah dan keindahan alam, yang masih belum diteroka. Akan tetapi, Kerajaan Negeri, akan memastikan setiap pelan pembangunan yang dirangka, dirancang di negeri ini dikaji dan diteliti dengan penuh iltizam, mengambil berat mengenai sumber alam semula jadi.

170. Kajian demi kajian dalam sektor yang berkaitan amatlah diperlukan, bagi membolehkan perancangan susun atur pembangunan negeri secara lestari dapat dilaksanakan. Kerajaan memperuntukkan **geran RM3.1 juta** bagi maksud tersebut. Kajian-kajian ini akan diterajui oleh Institut Darul Ridzuan dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN@Malaysia).

171. Dalam pada itu, saya amat bersimpati dengan Pulau Pinang kerana menerima musibah baru-baru ini. Kerajaan Negeri turut menghantar pasukan dan sukarelawan, menghulurkan bantuan bagi mangsa banjir di Kampung Cegar, Kampung Huma, Labuh Banting di Padang Menora, Lubuk Meriam, Permatang Indah di Permatang Berangan dan Kampung Merbau Kudong di Sungai Dua. Terima kasih diucapkan kepada jabatan, agensi negeri ini yang sama-sama membantu misi bantuan kemanusiaan berkenaan.

172. Namun, kita tidak lupa tanggungjawab kepada nasib yang menimpa saudara-saudara di negeri kita sendiri. Antaranya saya ke Kampung Malau, Kampung Ulu Lawin dan Kampung Sumpitan, Lenggong bagi meninjau dan membantu mangsa-mangsa banjir di kampung-kampung berkenaan. Kita juga terus menggerakkan bantuan ke Kampung Simpang Tiga Buluh Akar Belanja, Parit, apabila kawasan tersebut turut dilanda banjir.

173. Perubahan iklim dunia kian tidak menentu dan kesannya turut dirasai di rantau ini. Memandangkan isu cuaca merupakan isu tanpa sempadan, Kerajaan Negeri sentiasa mencari jalan menangani kesan perubahan iklim yang berlaku. Oleh itu, **peruntukan rancangan tebatan banjir dan saliran** dinaikkan 39.8 peratus daripada RM6.4 juta pada 2017 kepada **RM8.95 juta** bagi tahun 2018.

174. Hasil daripada usaha-usaha yang kita rancangkan selama ini, bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan Gerik, Beruas, Kinta dan Bagan Datuk, Alhamdulillah, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan **RM306 juta** bagi tahun 2018 untuk tujuan tebatan banjir di kawasan-kawasan berkenaan.

175. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan menaik taraf tujuh buah rumah pam di sepanjang Sungai Perak, bagi meningkatkan kapasiti dan kemampuan sistem pam untuk membekalkan air ke kawasan pengairan pertanian, terutama ketika paras air sungai Perak amat rendah.

176. Projek naik taraf enam buah rumah pam di Daerah Perak Tengah dan satu di Daerah Kuala Kangsar ini, akan dimulakan tahun hadapan dengan kos **RM19.6 juta**.

177. Tambahan kepada itu, **RM11.05 juta** juga diperuntukkan kepada pengurusan dan pemuliharaan sungai, selain menaiktaraf infrastuktur pengairan saliran dan kerja-kerja penguatkuasaan yang berkaitan.

178. Peruntukan yang disebutkan ini adalah tambahan kepada peruntukan **RM314.2 juta** yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Program Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Perak Fasa 1 dalam RMKe-11.

## **MENGANTARABANGSAKAN PERAK**

### **Mencorak Masa Hadapan Ke Arah Pembangunan Mampan Melalui Cetusan Idea Kreatif dan Inovatif**

179. Program mengantarabangsakan Perak di peta dunia telah membawa hasil. Pangkor Dialog kini dikenali sebagai Davos Asia dan mendapat perhatian di rantau ini. Malah mendapat pengiktirafan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), sebagai antara forum yang membicarakan 17 perkara *United Nation Sustainable Development Goals* (SDG United Nation) di dunia.

180. Tahun ini, Perak *Festival of Ideas* julung-julung kalinya diadakan selama empat hari dengan 70 program yang dianjurkan dengan sasaran pengumpulan 10,000 idea. Inisiatif ini juga turut mendapat pengiktirafan *Malaysian Book of Records*.

181. Penganjuran Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor (PULARA) turut meletakkan Perak dalam peta kegiatan seni budaya dunia, sehingga mendapat pengiktirafan *World Congress of Poet*. Sejak

penganjurannya bermula tahun 2010 , ia telah menarik ratusan peserta dari lebih 25 buah negara.

182. Begitu juga dengan penganjuran *World Conference on Islamic Thought and Civilization* (WCIT), yang memasuki siri keempat dan sedang berlangsung kini di Pusat Konvensyen Amanjaya, Casuarina@Meru, turut meletakkan Perak sebagai salah satu pusat percambahan ilmu dan peradaban Islam.

183. Melihat kesan serta impak yang besar melalui penganjuran-penganjuran program berkenaan, yang kini menjadi *signature* (dengan izin) negeri Perak, Kerajaan Negeri akan meneruskan penganjurannya dengan peruntukan **RM3.5 juta** bagi tahun 2018.

## **PENGANJURAN TEMASYA SUKAN MALAYSIA (SUKMA) KE-19**

184. Diam tak diam 10 bulan lagi, Perak akan menganjurkan temasya sukan terbesar dalam negara, Sukan Malaysia (SUKMA) yang ke-19. Temasya sukan ini yang akan berlangsung pada September 2018 dan dijangka seramai 12,000 atlet dan pegawai pengiring, tidak termasuk pihak media dan pelancong akan berkampung di negeri ini.

185. Sukan yang merupakan wadah terbaik untuk memupuk jati diri, perpaduan dan keharmonian, akan disemarakkan melalui penganjuran SUKMA Ke-19, yang kali ini mempunyai kelainan tersendiri. Ini kerana kesemua 12 daerah akan menganjurkan sekurang-kurangnya satu acara sukan daripada 29 acara yang dipertandingkan.

186. Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri mengharapkan kemeriahinan dan impak sosio-ekonomi penganjuran temasya terbesar di negara ini akan dirasai oleh segenap lapisan masyarakat di Negeri Perak.

187. Bagi persiapan penganjuran SUKMA 2018, Kerajaan Negeri menerima peruntukan sejumlah **RM160.9 juta** daripada Kerajaan Persekutuan bagi membina baru, menaiktaraf dan pembaikan am kompleks-kompleks serta kemudahan sukan di beberapa lokasi seluruh negeri Perak.

188. Antara projek yang dibina baru dan dinaiktaraf adalah Kompleks Renang Majlis Bandaraya Ipoh, Stadium Perak, Stadium Indera Mulia, Arena Badminton MBI, Stadium Hoki Sultan Azlan Shah, Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Manjung, Mini Stadium Parit Buntar, Kompleks Lapang Sasar Chepor dan beberapa pembaikan am di seluruh negeri. Semua projek ini dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan tempoh siap adalah di antara bulan Disember 2017 hingga Mei 2018.

189. Bagi menyemarakkan lagi pembangunan sukan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM14.75 juta** iaitu:

- **RM10 juta** untuk penganjuran SUKMA Ke-19;
- **RM2.5 juta** untuk Sukan Pelancongan;
- **RM1.75 juta** untuk Sukan Massa; dan
- **RM0.5 juta** untuk Sukan Orang Kelainan Upaya (OKU).

190. Harapan saya, Perak akan menjadi hos terbaik dalam penganjuran SUKMA ke-19 dan dengan motto “**WOW! KITA HEBAT!**”, saya berharap semua atlet Perak yang bakal beraksi memberikan kilauan emas dan negeri Perak dinobatkan menjadi JUARA. Marilah kita memberi sokongan yang padu kepada atlet-atlet kita, merentasi kaum dan fahaman politik.

### **Insetif Kepada Penjawat Awam Negeri Perak**

191. Pada pembentangan Bajet Persekutuan 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan 13 insetif untuk kakitangan awam. Ini termasuklah pemberian bantuan khas kewangan sebanyak RM1,500 kepada penjawat awam. Seperti mana kelazimannya, pengumuman peringkat Persekutuan akan disusuli di peringkat negeri. Mauduknya, ia adalah

merupakan satu cara pihak kerajaan menghargai sumbangan dan khidmat bakti kakitangan di negara ini.

192. Untuk itu, Bajet Negeri Perak 2018, setelah mengambi kira implikasi kewangan, saya dengan ini:

**Pertama:** Mengumumkan pemberian bantuan khas kewangan bagi kakitangan awam Negeri Perak sebanyak **RM2,000**;

**Kedua:** Bantuan Khas Kewangan ini turut dipanjangkan kepada Guru I'dadi, Guru Thanawi, Guru Tadika Islam, Guru Sandaran Tidak Terlatih dan Pegawai Sambilan Harian; dan

**Ketiga:** Semua Guru KAFA, Guru Takmir, Imam, Bilal, Siak, Ketua Kampung dan Tok Batin Negeri Perak yang memperolehi bantuan khas kewangan RM1,500 daripada Kerajaan Persekutuan, dan demi mewujudkan keadilan kepada mereka yang mencurahkan bakti kepada negeri Perak, Kerajaan Negeri akan menambah **RM500** lagi, menjadikan jumlah bantuan khas kewangan yang diterima oleh mereka RM2,000, sama seperti penjawat awam negeri yang lain. Ini bagi mewujudkan pemberian yang adil dan saksama.

193. Bagi maksud pembayaran, **RM1,000** akan **dibayar pada bulan Disember 2017** menggunakan peruntukan kewangan tahun semasa. Manakala bakinya **RM1,000** akan **dibayar menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun hadapan**. Ini melibatkan peruntukan hampir **RM22 juta**.

194. Selain itu, insentif khas kepada bakal pesara Kerajaan Negeri yang mula diperkenalkan sejak tahun 2012 akan diteruskan bagi tahun 2018. Ingin saya sebutkan bahawa negeri Perak adalah satu-satunya negeri yang mempunyai insentif ini. Untuk itu, suacita dimaklumkan:

- Kadar insentif yang diterima RM3,000 sebelum ini **dinaikkan** kepada **RM4,000**; dan
- Memperluaskan pemberian yang sebelum ini hanya melibatkan Kumpulan Pelaksana kepada semua kumpulan Pengurusan dan Profesional, Gred 41 dan ke atas.

195. Pemberian bantuan khas kewangan dan insentif ini, adalah tanda terima kasih pentadbiran kerajaan Barisan Nasional atas sumbangan penjawat-penjawat awam. Kepada Allah dipohonkan agar pemberian ini menjadi rezeki yang barakah buat mereka.

196. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada 15 daripada 20 jabatan/agensi Kerajaan Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, yang telah mendapat pengiktirafan lima bintang di dalam Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan pada tahun ini. Sesuai dengan pencapaian dan prestasi cemerlang yang ditunjukkan, maka bagi tahun 2018 sebagai satu galakan, Kerajaan Negeri menaikkan kadar insentif **RM20 ribu** kepada **RM25 ribu** yang merupakan pemberian insentif secara *one-off*.

Dato' Yang Dipertua,

197. Bagi tempoh tujuh tahun berturut-turut, Kerajaan Negeri berjaya mengekalkan prestasi lebih. Ini membuktikan bagaimana pengurusan kewangan dilaksanakan dengan penuh berhemah, cekap dan efisyen. Ini termasuklah pencapaian perbelanjaan pembangunan yang sentiasa melebihi 90 peratus. Malah, Mesyuarat Majlis Kewangan Negara, turut memberi beberapa pengiktirafan kepada Negeri Perak yang merupakan antara pembayar hutang terbaik dan tidak pernah memohon geran kekurangan belanja mengurus dalam tempoh tersebut.

198. Di samping itu, Pelan Transformasi Perak Amanjaya yang telah dilakar dan direncanakan pada 2010 telah memasuki tahun ketujuh. Kini sudah sampai masanya Pelan Transformasi Perak Amanjaya 2.0, dilaksanakan bagi memacu

kemajuan dan kemakmuran negeri yang lebih menyeluruh. Pelan Amanjaya 2.0 adalah perancangan bersifat mikro dan setempat. Perancangan ini berasaskan kepada kekuatan, kesediaan dan keunikan setiap daerah. Ini bagi memastikan pemerataan dan peluang pembangunan dapat diseimbangkan antara bandar dan luar bandar.

199. Saya menyeru kepada semua untuk kita bersama-sama mencorak masa hadapan yang kita impikan, berkerja keras supaya segala nikmat dan kejayaan yang kita kecapi dapat dirasai bersama.

Dato' Yang Dipertua,

200. Pembentangan Bajet 2018 ini adalah yang terakhir bagi sidang Dewan Penggal Ke-13 ini. Saya percaya ada yang akan melabelkan bajet ini adalah bajet pilihan raya.

201. Namun, sedar atau tidak sejak saya membentangkan Bajet 2010 hingga Bajet 2017, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan tanpa mengira musim pilihan raya atau tidak. Ini kerana kita bertanggungjawab dan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan. Alhamdulillah, bak kata orang Rawo di Gopeng dan Kampar... **"banyak pencapaiyen di negori iko..... beghokek.... kojosamo semu ughang.....".**

202. Saya nyatakan demikian, kerana ada suara-suara yang menyebut pembentangan bajet di negeri yang dikuasai oleh sekutu mereka lebih baik. Ada seorang dua di dalam Dewan yang mulia ini, menggambarkan seolah-olah dua negeri sekutu mereka mempunyai banyak program untuk rakyat dan dengan sombongnya berkata “**Perak ada apa?**”.

203. Inilah masalahnya jika hati telah kelam dan otak sarat dengan segala sarap kebencian. Menjawab momokan “**Perak ada apa?**” – Perak ada kerajaan yang sentiasa bersama dengan rakyat, menjaga keharmonian, membina keamanan dan menjana pertumbuhan. Perak menyediakan program yang membangunkan kapasiti rakyat, Perak banyak memperkenalkan program yang akhirnya ditiru oleh negeri sekutu mereka. Cuma Perak tidak ada pemimpin berhati busuk, yang sentiasa membuat fitnah dan segala macam cemuh walaupun terbentang di hadapannya kebaikan yang mensejahterakan rakyat. Ibarat kata orang India, “**Akkarei key... ikkerai Pachai....” nampak di sana lebih hijau, tapi sebenarnya disini lebih lebih hijau. Maksudnya, nampak mereka macam baik...hakikatnya kita lebih baik.**

204. Diwar-warkan kononnya:

- Negeri sekutu mereka memberi bantuan RM200 kepada bayi yang lahir dalam bajet mereka baru-baru ini, 2010 Perak sudahpun memulakannya;
- Mereka ada mikro kredit – usahawan mikro kredit kita dah pun masuk ke pasaran;
- Ada negeri yang baru menghargai kaum Sikh – Perak telah pun memberikan peruntukan sejak 2010 lagi;
- Kita ada Ladang Rakyat - telah memberi manfaat kepada 4,190 orang;
- Kita ada Kiosk Amanjaya, yang mengubah nasib penjaja;
- Nasib Orang Asli terus diupaya dan dibela;
- Kedai Bergerak diperkenal tangani kos sara hidup;
- Dermasiswa *one off* yang telah memanfaatkan 104,000 anak Perak untuk melanjutkan pengajian tinggi;
- Biasiswa kecil RM300 kepada murid sekolah rendah yang cemerlang.

Semua ini adalah sebahagian daripada 42 inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang BN menerajui pentadbiran. Tak perlulah mendabik dada, kononnya hujan emas di negeri orang, tapi ingatlah hujan emas juga bercucuran di negeri sendiri.

Dato' Yang Dipertua,

205. Pada pembentangan bajet kali ini, saya menggunakan ungkapan-ungkapan pelbagai suku kaum di negeri ini. Ada loghat Perak, ada Jawanya, ada Banjarnya, ada Pattaninya, ada Orang Aslinya, ada orang Siamnya ada Tamil dan Cinanya. Ini bagi menggambarkan bagaimana keharmonian yang ada di bumi Perak yang bertuah ini. Bukan cara kita memaki hamun, mencarut dan mencela dalam ucapan dan ceramah. Mencarut dan mencela hanya menggambarkan kerendahan akhlak dan papanya budi seseorang itu. Apa yang boleh saya katakan, kita kasihan kepada orang yang suka mencarut dan mencela ini, kerana jiwanya tidak tenang dan hidupnya sentiasa dibayangi kebobrokan dirinya sendiri.

*"A man who has committed mistake and doesn't correct it, is committing another mistake" .... (**dengan izin**)*

*"Orang yang telah melakukan kesilapan dan enggan membetulkannya, sebenarnya akan mengulangi kesilapan demi kesilapan."*

***Confucius***

Dato' Yang DiPertua,

206. Biar badai ganas dan gelombang mengarus datang, meski badan kami disiat dan dikelar tajamnya fitnah, namun amanah yang dipikul, panji yang digenggam, takkan dibiar durjana merobek watan, takkan rela rakyat diperdagangkan. Dengan pertolongan-Mu Ya Allah, limpahkan kejayaan kepada usaha kami, agar terus tertegak yang hak dan tertimbuslah kejahanan.

207. Kepada Allah dipohonkan, kurniakanlah kami kekuatan untuk terus melaksanakan kebaikan. Ya Allah berkatilah dan redhalah atas amal kebajikan kami selama ini, ampunilah atas segala khilaf yang terjadi, hindarilah kami daripada mereka yang berusaha membuat kerosakan, agar kami dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan berkesan. Dan moga Bajet 2018 ini mendapat limpahan barakah dariMu juga Ya Allah.. Aamiin.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.